

0190

U 6421 AAB
MAHATHIR - AMARAN

KUCHING, 22 SEPT (BERNAMA) -- **PERDANAMENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIRMOHAMAD**, HARI INI BERKATA AMARAN BELIAU SEMALAM YANG KERAJAAN TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP SESIAPA YANG CUBA MEREbut KUASA KERAJAAN SECARA HARAM BUKAN DITUJUKAN KEPADA SARAWAK SAHAJA.

KATANYA, AMARAN ITU DITUJUKAN KEPADA SEMUA INDIVIDU DAN KUMPULAN YANG SENTIASA BERFIKIR BAGAIMANA HENDAK MENJATUHKAN KERAJAAN DENGAN CARA YANG TIDAK HALAL.

BELIAU MENJELASKAN DEMIKIAN DALAM PERSIDANGAN AKHBAR DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUCHING SEBELUM PULANG KE KUALA LUMPURSELEPAS BERADA DI SINI SELAMA SEHARI.

SEMALAM, DALAM UCAPAN PERASMIANNYA PADA PERHIHPUNAN AGUNG PART1 PESAKA BUMIPUTERA BERSATU (PBB) SARAWAK DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN TEGAS TERHADAP MEREKA YANG CUBA MERAMPAS KUASA SECARA HARAM.

APABILA DITANYA SAMA ADA AMARAN ITU BERMAKSUD SARAWAK MASIH MENGHADAPI ANCAMAN SEUMPAMA ITU, BELIAU BERKATA APABILA KENYATAAN ITU DIBUAT DI SARAWAK BUKAN BERMAKNA IA DITUJUKAN KEPADA MEREKA DI SINI SAHAJA TETAPI KEPADA SEMUA ORANG. -- LAGI

1359MST 22 09 89

U B422 AAB
MAHATHIR - AMARAN 2 KUCHING

SARAWAK PERNAH MENGHADAPI KEADAAN SEPERTI ITU APABILA AD A - PIHAK-PIHAK CUBA MERAMPAS KUASA KERAJAAN SARAWAK HINGGA MEMBAWA KEPADA PILIHAN RAYA NEGERI PADA APRIL 1987.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN SELAIN SARAWAK, ADA BANYAK TEMPAT, SEPERTI DI SABAH DAN KUALA LUMPUR, YANG TERDAPAT SESETENGAH ORANG DAN KUMPULAN YANG BERMINAT BERTINDAK DI LUAR UNDANG-UNDANG UNTUK MERAMPAS KUASA KERAJAAN

MENURUTNYA, APABILA KERAJAAN INGIN MEMBERI MEJ Keadilan DENGAN TIDAK MAHU MENGAMBIL TINDAKAN KERAS ATAU TIDAK ADIL, INI TIDAK BERMAKNA KERAJAAN TIDAK MAMPU ATAU BERANI BERTINDAK KE ATAS MEREKA YANG CUBA MENGHASUT RAKYAT DAN BERTINDAK DI LUAR UNDANG-UNDANG UNTUK MEREbut KUASA BAGI DIRI MEREKA.

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH SEKALI LAGI MENGENAI HUBUNGANNYA DENGAN KETUA MENTERI, TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, YANG KONONNYA TIDAK RAPAT, DENGAN BERKATA BELIAU SUDAH TIDAK TAHU LAGI BAGAIMANA HENDAK MENUNJUKKAN YANG HUBUNGANNYA DENGAN TAN SRI HAJI ABDUL TAIB ITU SEBENARNYA AKRAB.

+KALAU SAYA NAK TUNJUK KITA TIDAK ADA MASALAH. MACAMMANA NAK TUNJUK. ..TAKKAN SAYA NAK KENA TINGGAL DI SARAWAK LAMA-LAMA DUDUK DI RUMAH TAN SRI TAIB,+ KATANYA. -- LAGI
1401MST 22 09 89

U B441 A A B

MAHATHIR - AMARAN 3 KUCHING (ULANGAN MEMBETULKAN PARAS) O O O

+JADI DALAM POLITIK SUDAH MEMADAIKITA MENYATAKAN PENDIRIAN KITA,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBENARNYA BELIAU TIDAK MEMAHAMI KENAPA ADANYA SANGKAAN ITU, SAMBIL MENAMBAH BAHAWA SANGKAAN ITU DIBUAT OLEH ORANG ASING KERANA MEREKA SUDAH TENTU DARI AWAL PUN TIDAK INGIN LIHAT PERPADUAN TERCAPAI DALAM NEGARA.

OLEH ITU,KATANYA, MEREKA SENGAJA MENGADAKAN CERITA-CERITA YANG TIDAK ADA BERKAITAN KONFLIK KAUM, PERSELISIHAN PARTI, PARTI KOMPONEN DAN KERAJAAN.

+KONONNYA SAYA NAK JUAL LIMBANG KEPADA BRUNEI. SAYAHAIRANMACAM MANABENDAINI BOLEH TIMBUL...,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA PERKARA ITU TIDAK DIBINCANG DALAM PERTEMUANNYA DENGAN SULTAN BRUNEI.

KATANYA, KALAU HENDAK MENYURUH BELIAU MENJUNJUNG QURAN DAN BERSUMPAH BAGI HEMBUKTI KEBENARANNYA BELIAU SANGGUP BERBUAT DEMIKIAN TETAPI ITU BUKAN CARANYA UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH ITU KERANA +ORANG KALAU DAH NIAT TIDAK BAIK, TIDAK ADA SATU YANG KITA BUAT DIANGGAP BAIK.+ -- LAG1

1526MST 22 09 89

D200

U 8428 A A B

MAHATHIR - AMARAN 4 KUCHING

PERDANA MENTERI BERKATA LAPORAN MAJALAH ASING FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW ITU MEMANG TIDAK BETUL LANGSUNG.

MENURUTNYA, JIKA DIKUTKAN LAPORAN ITU, NEGARA INI PENUH DENGAN KONFLIK KAUM, PERBUATAN RASUAH YANG KETARA DAN TIDAK ADA PEMBANGUNAN.

TETAPI, KALAU DIPANDANG DENGAN MATA KEPALA SENDIRI APA YANG ADA DI MALAYSIA JAUH LEBIH BAIK DARIPADA SEGI PEMBANGUNAN BERBANDING DENGAN SESETENGAH NEGARA YANG ADA JUGA BERPERANG SESAMA SENDIRI.

KETIKA MENJAWAB SATU SOALANLAIN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ADALAH TIDAK BENAR SARAWAK DIANAKTIRIKAN DARIPADA SEGI PEMBANGUNAN, SAMBIL MENAMBAH BAHWA NEGERI-NEGERI LAIN SEPERTI TERENGGANU, KELANTAN DAN KEDAH JUGA MENGATAKAN MEREKA DIANAKTIRIKAN OLEH KERAJAAN PUSAT SEDANGKAN PEMBANGUNAN TERUS BERJALAN DI NEGERI-NEGERI ITU.

BELIAU JUGA BERKATA SARAWAK MEMPUNYAI POTENSI LEBIH BESAR DARI SEMENANJUNG DALAM MEMAJUKAN BIDANG PELANCONG SEBAGAI SATU INDUSTRI YANG BOLEH BERKEMBANG KERANA IA MEMPUNYAI BANYAK UNSUR MENARIK UNTUK PELANCONG DATANG SEPERTI PERKAMPUNGAN BUDAYA DI SANTUBONG. -- LAG1

1432MST 22 09 89

0224

U B446 A A B

MAHATHIR - AMARAN 5 KUCHING

KATANYA, PELANCONG AKAN RAMAI DAN MUDAH DATANG KE SARAWAK JIKA KEMUDAHAN INFRASTRUKTURNYA DAPAT DIPERTINGKATKAN LAG1 SEPERTI LANDASAN KAPAL TERBANG DIBINA DI GUA MULU SERTA JALAN-JALAN DI NEGERI INI DIPERBAIKI.

MENURUTNYA, KERAJAAN PUSAT SENDIRI ADA MENERIMA TEGURAN MENGENAI PERKHIDMATAN UDARA KE SARAWAK OLEH PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) YANG DIKATAKAN TIDAK MEMUASKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN PUSAT TELAH BERBINCANG DENGAN MAS BAGI MEMPERBAIKI KEADAAAN ITU DAN MAS SUDAH MEMBELI 16 BUAH PESAWAT BARU JENIS BOEING 737 UNTUK MENINGKATKAN PERKHIDMATANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENCADANGKAN SUPAYA SARAWAK BERUSAHA MENGGALAKKAN SYARIKAT-SYARIKAT PENERBANGAN ASING MENGADAKAN PERKHIDMATAN SEWA KHAS UNTUK MEMBAWA PELANCONG KE SARAWAK. -- BERNAMA
1533MST 22 09 89